

10 APR 2001

MOGGIE-JANAKUASA

KELEMBAPAN EKONOMI GLOBAL TIDAK JEJAS INDUSTRI PENJANAAN TENAGA

LUMUT, 10 April (Bernama) -- Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia hari ini memberi jaminan bahawa industri penjanaan tenaga tidak akan terjejas ekoran kelembapan ekonomi negara-negara luar terutama Amerika Syarikat (AS).

Menterinya, Datuk Amar Leo Moggie berkata secara asasnya tiada siapa yang boleh mengagak kesan sebenar kelembapan ini kepada Malaysia samada ianya boleh berlaku atau tidak.

"Tetapi kerajaan telah bersedia jika ianya benar-benar berlaku. Minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengemukakan beberapa inisiatif baru untuk menentukan kedudukan ekonomi akibat dari kelembapan yang disebut-sebut itu," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis penerimaan tarbin gas pertama untuk Projek Blok Ketiga di Loji Janakuasa Lumut di Segari, dekat sini, hari ini.

Loji janakuasa itu dimiliki sepenuhnya oleh Malakoff Berhad.

Turut hadir di majlis itu ialah Pengerusi Malakoff Berhad, Tan Sri Ibrahim Menudin dan Pengarah Urusan Malakoff Berhad, Ahmad Jauhari Yahya.

Projek Blok Ketiga ini adalah blok tambahan daripada dua blok yang ada sebelum ini dan ia akan mempunyai tiga buah tarbin gas dan sebuah tarbin wap dan apabila siap pada tahun 2003 kelak ia akan meningkatkan keupayaan penjananaan tenaga di stesyen tersebut.

Katanya, buat masa ini keadaan kelembapan ekonomi tersebut tidak begitu memberi kesan kepada negara kita dan inisiatif yang diumumkan baru-baru ini adalah sebagai satu langkah persediaan untuk mengatasinya jika ianya betul-betul berlaku.

Selain itu, Leo Moggie berkata beliau akan memastikan bahawa usaha Malakoff Berhad dalam penjananaan tenaga berkembang iaitu dengan merealisasikan Perjanjian Jual-Beli Tenaga dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta Perjanjian Pembekalan Gas dengan Petronas .

"Bagaimanapun ianya terpulang kepada kedua-dua pihak untuk mempersetujui syarat-syarat tertentu. Kita hanya berharap ia dapat diselesaikan secepat mungkin," katanya.

Sebelum itu di dalam ucapannya, beliau berkata kerajaan akan terus menggalakkan penjananaan tenaga dari pihak swasta yang sedia ada untuk mengurangkan perbelanjaan kewangan dan pentadbiran serta menggalakkan persaingan dan produktiviti dalam penjananaan elektrik.

"Ini adalah bagi memastikan keupayaan penjananaan elektrik negara ini mencukupi bagi jangkamasa yang terdekat ini serta memenuhi permintaan yang semakin meningkat," tambahnya.

-- BERNAMA

KAY ZK